Pengurusan keselamatan maklumat di dalam setiap inisiatif di sektor awam adalah penting kepada negara kerana sebarang kelalaian dan kegagalan untuk menangani ancaman dan kelemahan kepada perlindungan keselamatan maklumat akan menimbulkan kesan yang besar serta memberikan impak negatif kepada negara. Pelaksanaan ISMS berdasarkan garis panduan dan metodologi sedia ada di sektor awam Malaysia merupakan pendekatan berkesan bagi menyediakan sebuah sistem pengurusan keselamatan maklumat geospatial MyGDI.

Pengenalan

Pembangunan negara memerlukan maklumat yang terkini, relevan dan lebih menyeluruh bagi memenuhi keperluan merancang, merekabentuk sehinggalah kepada proses pembuatan keputusan dalam menangani keperluan nasional.

Keberkesanan keputusan amat bergantung kepada sejauh mana maklumat itu disediakan, dianalisis dan diolah kepada satu bentuk yang lebih konkrit, jelas dan mudah difahami.

Penyediaan maklumat geospatial semakin ketara di Malaysia dalam menangani isu-isu semasa selain dari keperluan untuk perancangan kerajaan masa kini. Agensi sektor awam yang terlibat secara langsung dalam agenda nasional mengenai pertumbuhan ekonomi, pembangunan sosial, pengurusan alam sekitar, pembangunan infrastruktur sehinggalah kepada perlindungan kepada keselamatan negara telah meningkatkan penggunaan maklumat geospatial masing-masing bagi mengukuhkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan.

Perkongsian maklumat geospatial di kalangan agensi pembekal maklumat geospatial yang

berkesan membolehkan penyepaduan maklumat geospatial yang lebih bersifat sektoral kepada satu maklumat yang mempunyai nilai tambah dan komprehensif.

Namun, keperluan menyediakan maklumat geospatial yang lengkap, terkini dan sesuai dengan keperluan masa kini oleh semua pihak pembekal dan pengguna hendaklah seimbang dengan perlindungan keselamatan berteraskan kerahsiaan, integriti dan ketersediaan maklumat tersebut.

Menyedari betapa pentingnya menyediakan gabungan tiga komponen utama ini sebagai teras perlindungan keselamatan maklumat geospatial dalam Program MyGDI maka sewajarnya satu sistem pengurusan keselamatan maklumat berdasarkan standard ISO/IEC 27001:2013 dilaksanakan bagi menguruskan keselamatan maklumat geospatial menerusi perspektif pengurusan keselamatan maklumat di sektor awam.

“Pelaksanaan ISMS berdasarkan garis panduan dan metodologi sedia ada di sektor awam Malaysia merupakan pendekatan berkesan bagi menyediakan sebuah sistem pengurusan keselamatan maklumat geospatial MyGDI.”

PROGRAM Malaysian Geospatial Data Infrastructure (MyGDI)

MyGDI merupakan sebuah program bagi sebuah infrastruktur data geospasial negara yang telah mula diperkenalkan pada 2012. Program nasional ini merupakan agenda menjadikan infrastruktur maklumat geospasial di Malaysia adalah lebih terarah dan terurus secara paling cekap, berkesan dan berdaya saing bagi memenuhi keperluan negara. Matlamat utama program MyGDI adalah bagi menggalakkan kesedaran dan pembudayaan mengenai penyediaan dan perkongsian maklumat geospasial secara paling optimum di negara ini.

Sebagai sebuah infrastruktur data geospasial negara, MyGDI menetapkan tadbir urus yang menyeluruh merentasi kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Melalui sebuah struktur tadbir urus yang diwujudkan, semua halatuju, program dan inisiatif berkaitan geospasial Negara akan lebih terselaraskan, cekap, berdaya saing di samping mengurangkan pembaziran. Program-program berkaitan kemudahan dan pemudah cara perkongsian maklumat geospasial di kalangan agensi pembekal disediakan bagi menggalakkan aktiviti perkongsian kolaboratif di sektor awam. Perkhidmatan-perkhidmatan seperti pencarian dan capaian maklumat geospasial secara dalam talian disediakan kepada pengguna secara mudah, cekap dan lebih selamat. Penyediaan pangkalan-pangkalan data geospasial nasional dan negeri yang menyimpan data-data asas geospasial merupakan satu lagi inisiatif MyGDI bagi memastikan elemen utama perkongsian maklumat ini dapat digunakan bagi menjana lebih banyak maklumat geospasial baharu. Komponen-komponen utama MyGDI berikutnya iaitu framework, standard, geodata, metadata dan portal katalog adalah sumber utama bagi menyediakan maklumat geospasial negara yang seragam, mudah dikenalpasti, diakses dan digunakan bagi merealisasikan perkongsian.

ISMS di Sektor Awam

Kerajaan Malaysia telah menyediakan satu halatuju kepada agensi sektor awam dalam meningkatkan perlindungan keselamatan maklumat kerajaan. Pengurusan keselamatan maklumat di sektor awam adalah menepati Standard Malaysia iaitu MS ISO/IEC 27001:2013 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat atau ISMS (*Information Security Management System*).

ISMS menyediakan panduan bagi melaksanakan standard dan amalan berkaitan pengurusan keselamatan maklumat merangkumi pemilihan, pelaksanaan dan pengurusan kawalan dan tindakan dalam menangani risiko keselamatan maklumat yang terdapat di dalam persekitaran organisasi.

Pendekatan ISMS merupakan langkah paling berkesan kepada MyGDI memandangkan infrastruktur data geospasial ini mengandungi beberapa elemen utama dalam perkongsian yang memerlukan sebuah pengurusan yang telus, berintegriti, cekap dan boleh dipantau bagi mengendalikan risiko maklumat MyGDI yang dikenalpasti dari semasa ke semasa.

Menyedari bahawa aset ICT amat terdedah kepada ancaman siber dari dalam dan luar organisasi dan setiap satunya mempunyai risiko yang perlu dikendalikan secara paling cekap bagi mengurangkan impaknya kepada bisnes atau sistem penyampaian perkhidmatan. Maka pengurusan risiko adalah ketara dan merupakan salah satu elemen utama pengurusan keselamatan MyGDI.

Pengendalian Risiko Ke Atas Aset ICT MyGDI

Pengendalian risiko aset ICT MyGDI dilaksanakan melalui metodologi HiLRA(2) dan MyRAM(3). Kedua-dua metodologi ini merupakan instrumen bagi melaksanakan penaksiran secara kuantitatif dalam menentukan tahap risiko aset ICT. HiLRA merupakan penaksiran di paras tinggi bagi menentukan sama ada aset ICT agensi adalah kritikal dan memerlukan penaksiran risiko yang lebih terperinci. Melalui proses-proses secara rapi, terperinci dan kuantitatif di dalam MyRAM, setiap aset akan dinilai dan ditaksir bagi mengesan dan mengenalpasti ancaman yang wujud dan

kelemahan kawalan yang dilaksanakan dan seterusnya mencadangkan penambahbaikan atau pembetulan kepada kawalan-kawalan yang sewajarnya menerusi satu program penyuraian risiko yang lebih praktikal dan kos-efektif.

Pelaksanaan ISMS MyGDI

Pelaksanaan ISMS MyGDI merupakan satu pendekatan secara menyeluruh merangkumi sokongan pengurusan, instrumen dan proses yang digunakan serta penglibatan dan kesedaran di semua peringkat pengguna dan pelaksana program MyGDI.


Pelaksanaan ISMS melibatkan tiga (3) tahap iaitu penyediaan, pelaksanaan dan pemantauan. Tahap penyediaan adalah peringkat paling awal dalam merealisasikan keperluan sebuah sistem pengurusan keselamatan maklumat bagi MyGDI. Peringkat ini melibatkan pembentukan pemahaman, kompetensi dan kesiapsiagaan semua pihak pengguna dan pelaksana ke arah mengamal, melaksana dan membudayakan sebuah amalan terbaik. Di peringkat ini juga, diwujudkan sebuah struktur tadbir urus bagi mengendalikan dan memantau ISMS MyGDI yang terdiri dari Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) yang dipengerusikan oleh Pengarah MaCGDI, sebuah Jawatankuasa Kerja ISMS MaCGDI yang disertai oleh wakil pengurusan MacGDI dan wakil agensi luar dan Pasukan Pelaksana ISMS dianggotai oleh satu pasukan penyelaras serta wakil pelaksana ISMS merentasi cawangan-cawangan di MaCGDI. Di samping itu juga sebuah pasukan audit dalam diwujudkan yang dianggotai oleh pegawai MaCGDI dan agensi luar.

Pada tahap pelaksanaan, semua proses mestilah memenuhi keperluan klausa dan kawalan di dalam Standard ISO/IEC 27001 : 2013 ISMS. Pada tahun 2014, pensijilan program MyGDI bermula dengan skop pengoperasian pusat data MaCGDI yang memberikan penumpuan kepada operasi, penyenggaraan dan pemantauan berkaitan pusat data. Selaras dengan peranan MyGDI kepada kepentingan perkongsian maklumat geospasial, tahun 2015 pula menyaksikan skop pensijilan sedia ada ditambahbaik kepada pengurusan perkongsian maklumat. Pada tahap ini, kesemua 11 bidang keselamatan dengan 133 kawalan standard ISMS

telah diambil kira bagi menyediakan perlindungan keselamatan maklumat MyGDI. Selain itu, dokumentasi ISMS yang komprehensif telah disediakan yang dikategorikan sebagai manual keselamatan, prosedur utama, prosedur operasi standard (SOP), format rekod dan dokumen sokongan.

Menetapkan dasar dan skop ISMS, menilai risiko dan menetapkan kawalan ke atas aset

Menyuraikan risiko dan melaksanakan kawalan serta prosedur ke atas aset, mengurus tadbir program ISMS



Rajah 1 : Tahap Pelaksanaan ISMS MyGDI Melalui Pendekatan PDCA

Pada tahap ketiga, pemantauan mengenai tahap perlindungan keselamatan MyGDI dilaksanakan menerusi sesi-sesi libat urus, sumbang saran dan kerjasama kolaboratif mengenai keselamatan ICT. Pada tahap ini, segala cadangan, pandangan dan teguran dari pelbagai pihak akan dimanfaatkan untuk meningkatkan keberkesanan ISMS MyGDI.

Cabaran Pelaksanaan

MyGDI adalah sebuah program berkaitan infrastruktur data geospasial peringkat nasional yang melibatkan satu komuniti pengurusan, pembekal, pengguna dan pihak berkepentingan lain yang melibatkan satu konteks yang kompleks, bersaiz besar dan berlainan tahap profail komunitinya dan perkara ini memerlukan pendekatan pelaksanaan ISMS yang seimbang di antara nilai aset maklumat MyGDI dengan kawalan-kawalan yang disediakan di samping kecekapan dan keberkesanan pelaksanaannya.

“ ISMS menyediakan panduan bagi melaksanakan standard dan amalan berkaitan pengurusan keselamatan maklumat dalam menangani risiko keselamatan maklumat yang terdapat di dalam persekitaran organisasi. ”

Penutup

Menyedari bahawa keselamatan maklumat adalah satu proses dan bukannya matlamat yang mutlak pada satu-satu masa, maka penjajaran di antara nilai maklumat geospasial dengan infrastruktur maklumat MyGDI perlu dilaksanakan dan dipantau secara berterusan agar ianya sentiasa relevan dengan keperluan semasa.

Pengurusan keselamatan maklumat MyGDI menerusi ISMS akan terus diperkasakan supaya setiap maklumat geospasial negara akan tetap dipelihara dan dilindungi bagi menjamin kedaulatan dan maruah negara serta digunakan secara cekap demi pembangunan sosio-ekonomi dan alam sejagat.

Rujukan

ISO/IEC 27001 : 2013 (2013). Information technology-security techniques-information security management system-requirement.

Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI), *MyGDI The Enabling Platform Towards Spatially Enabled Government In Malaysia*, MaCGDI, 2012

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), *Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU: Pelaksanaan Pensijilan MS ISO/IEC 27001:2007 ISMS Di Sektor Awam*, MAMPU, 2010

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), *The Malaysian Public Sector High Level Information Security Risk Assessment Methodology (HiLRA)*, MAMPU, 2005

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), *The Malaysian Public Sector Information Security Risk Assessment Methodology (MyRAM)*, MAMPU, 2005



Aktiviti MyGDI

PERJUMPAAN DATO' SRI KSU NRE BERSAMA PEGAWAI-PEGAWAI MaCGDI

Tarikh : 7 OGOS 2015
Tempat : BILIK MESYUARAT BERLIAN,
ARAS 17, NRE



Sempena perlantikan Dato' Sri Azizan bin Ahmad sebagai Ketua Setiausaha (KSU) NRE bermula 1 Ogos 2015, satu pertemuan antara pegawai pengurusan MaCGDI yang diketuai oleh Puan Hajah Norizam binti Che Noh, selaku Pengarah MaCGDI serta Timbalan-timbalan Pengarah dan Ketua-ketua Seksyen bersama Dato' Sri KSU telah diadakan. Tujuan perjumpaan ini diadakan adalah untuk memberi penerangan kepada Dato' Sri KSU berkaitan peranan MaCGDI selaku peneraju agensi kerajaan dalam bidang geospasial.

Taklimat berkaitan MaCGDI telah disampaikan oleh Pengarah MaCGDI merangkumi tadbir urus MaCGDI, fungsi MaCGDI serta Program MyGDI yang merupakan program nasional bagi geospasial. Di samping itu juga, penerangan berkaitan aplikasi-aplikasi yang telah dibangunkan oleh MaCGDI juga dibentangkan.

Selain itu, perbincangan isu – isu terkini dalam bidang geospasial turut diadakan. Ini bagi memastikan program MyGDI dapat dilaksanakan dengan terancang serta dikawal selia dengan baik daripada pelbagai aspek.



LAWATAN AKADEMIK DARIPADA PELAJAR FAKULTI GEOSPATIAL & HARTANAH, KOLEJ UNIVERSITI GEOMATIKA

Tarikh : 18 OGOS 2015
Tempat : BILIK MESYUARAT PERMATA,
ARAS 7, NRE



MaCGDI telah menerima lawatan akademik daripada pelajar Fakulti Geospacial & Hartanah, Kolej Universiti Geomatika. Lawatan ini telah dipengerusikan oleh Sr Hj. Ahmad Akhir bin Tompong, Timbalan Pengarah Cawangan Polisi & Pembangunan Standard (CPPS). Seramai 26 orang pelajar dan tiga (3) orang pensyarah daripada Fakulti Geospacial & Hartanah kolej universiti tersebut telah hadir dalam sesi lawatan akademik ini.

Tujuan lawatan akademik ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai aktiviti geospacial dan maklumat-maklumat boleh perolehi di MaCGDI untuk kegunaan pelajar serta kepentingan geospacial kepada negara secara amnya. Antara pengisian sepanjang lawatan ini, para pelajar telah diberikan taklimat berkaitan pengenalan MaCGDI dan MyGDI, pembentangan aplikasi 1Malaysia Map, MyGOS, Geoname dan taklimat berkaitan prosedur permohonan data geospacial yang boleh dikongsi oleh MaCGDI kepada pelajar dan juga orang awam. Para pelajar turut dimaklumkan kesemua aplikasi ini boleh dicapai dengan melayari laman sesawang MyGeoportal.

Sepanjang taklimat berlangsung, terdapat beberapa pertanyaan yang diajukan oleh para pelajar dalam memahami mengenai program MyGDI yang merupakan teras dalam penubuhan MaCGDI. Antara perkara yang dibincangkan meliputi perkembangan geospacial di Malaysia dan peranan MaCGDI dalam mengembangkan program MyGDI kesemua peringkat.



PAMERAN SEMPENA SEMINAR PEMERKASAAN PENAMAAN GEOGRAFI: SISI SEJARAH DAN IDENTITI BUDAYA BANGSA

Tarikh : 20 OGOS 2015

Tempat : AUDITORIUM PUSAT PENDOKUMENTASIAN AUDIO VISUAL (PPAV), ARKIB NEGARA MALAYSIA.

Seminar Pemerkasaan Penamaan Geografi: Sisi Sejarah dan Identiti Budaya Bangsa julung kali diadakan di Auditorium Pusat Pendokumentasian Audio Visual (PPAV), Arkib Negara Malaysia. Seminar ini dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Arkib Negara Malaysia selaku penganjur bersama. Ketibaan tetamu VVIP telah disambut dengan alunan muzik tradisional daripada Kumpulan Muzik UiTM dan disertai dengan pertunjukan silat. Upacara perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Sani bin Mistam, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan) wakil kepada YBhg. Datuk Seri Adnan bin Hj. Md. Ikshan, Ketua Setiausaha KWP dengan acara memotong pulut kuning sebagai simbolik kepada seminar yang berkonsepkan Warisan Budaya. Seminar ini telah dihadiri oleh 100 peserta dari pelbagai agensi kerajaan, swasta, pihak pemaju, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), universiti dan sebagainya.

Seiring dengan konsep yang diketengahkan, seminar yang diadakan ini dianggap bertepatan dengan bulan kemerdekaan bagi memartabatkan sejarah dan budaya bangsa. Seminar ini menghimpunkan para penceramah dari pelbagai bidang yang terdiri dari agensi kerajaan, PBT, pihak universiti, penyimpan mohor besar raja-raja dan sebagainya untuk mendapatkan kupasan topik perbincangan yang menarik.

YBhg. Dato' Haji Mohd Sani bin Mistam juga meluangkan masa melawat *booth* pameran. Semasa di *booth* MaCGDI, beliau telah diterangkan berkenaan Aplikasi MyGeoname yang telah dibangunkan oleh MaCGDI. MyGeoname dibangunkan bertujuan untuk memberikan maklumat autoritatif berkaitan lokasi dan ejaan nama-nama geografi yang diwartakan dalam format yang tekal untuk kegunaan rasmi kerajaan, industri dan awam. Geoname mempunyai bank data yang dinamakan Pangkalan Data Nama Geografi (PDNG) bertujuan untuk menyimpan nama-nama geografi, lokasi, sejarah dan notifikasi gazetir yang telah disahkan dan diperakui oleh PBT.



Aktiviti MyGDI

LAWATAN YB TIMBALAN MENTERI NRE KE MaCGDI

Tarikh : 8 SEPTEMBER 2015
 Tempat : BILIK MESYUARAT PERMATA,
 ARAS 7, NRE



YB Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri NRE telah mengadakan kunjungan hormat ke Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI) dan ketibaan YB Timbalan Menteri telah disambut mesra oleh Puan Hajah Norizam binti Che Noh, Pengarah bersama Timbalan-timbalan Pengarah dan Ketua-ketua Seksyen MaCGDI. Program dimulakan dengan ucapan aluan oleh Pengarah MaCGDI diikuti dengan taklimat berkaitan MaCGDI dan program MyGDI.

Kunjungan ini bertujuan untuk meninjau dan mengenali dengan lebih dekat perkembangan geospasial oleh MaCGDI serta membincangkan hala tuju program MyGDI. Pertemuan ini telah memberi gambaran yang lebih jelas kepada YB Timbalan Menteri NRE mengenai program MyGDI yang merupakan program nasional dan dapat memberi manfaat secara keseluruhan kepada rakyat dan negara.

Sesi diteruskan dengan taklimat membincangkan hala tuju dan peranan MaCGDI sebagai penyelaras bagi menggalakkan perkongsian data geospasial antara agensi pembekal data diperingkat Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pertemuan ini telah menghasilkan satu titik pertemuan perbincangan dua hala antara pengurusan tertinggi NRE dan MaCGDI dalam usaha merakyatkan geospasial.



LAWATAN TEKNIKAL DARIPADA PESERTA KURSUS MALAYSIAN TECHNICAL COOPERATION PROGRAM (MTCP), INSTUN

Tarikh : 9 SEPTEMBER 2015
Tempat : BILIK MESYUARAT PERMATA,
ARAS 7, NRE

Lawatan teknikal daripada peserta kursus *Malaysian Technical Cooperation Program* (MTCP), di bawah kelolaan pihak Institut Latihan Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) ke MaCGDI telah diketuai oleh En. Mohd Ashraf bin Mohd Nor, Pengarah INSTUN, 19 peserta kursus yang berasal daripada 13 negara yang mengambil bahagian dan 10 pegawai INSTUN. Delegasi ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta kursus berkaitan perkembangan geospasial di Malaysia.

Delegasi telah diberikan penerangan berkaitan MaCGDI dan program MyGDI. Selain itu, para peserta juga diberikan penerangan berkaitan peranan MaCGDI selaku penyelaras dalam pengumpulan data geospasial di Malaysia bagi menggalakkan perkongsian data antara agensi yang mengambil bahagian. Pembentangan aplikasi seperti 1Malaysia Map, MyGOS dan MyGeoname telah disampaikan oleh pegawai MaCGDI. Lawatan ini telah memberi peluang kepada pihak delegasi untuk mengetahui perkembangan pelaksanaan SDI

Malaysia melalui program MyGDI yang diuruskan oleh MaCGDI.

Para peserta yang terdiri daripada pelbagai latar belakang negara seperti Indonesia, Thailand, Filipina, Myanmar, Vietnam, Iran, Malawi, dan Arab turut berkongsi pengalaman mereka dan perkembangan geospasial di negara mereka. Secara umumnya, perkembangan geospasial di setiap negara adalah sedang rancak dimana setiap negara mempunyai program SDI mereka sendiri dan mempunyai tujuan yang sama iaitu "*Collect by one, use by many*" bagi mengalakkan perkongsian dan mengurangkan kos yang besar dalam kerja pengumpulan data.

Lawatan sebegini diharap dapat memberi ruang kepada komuniti geospasial dalam meningkatkan kerjasama, sumbangan buah fikiran dan pertukaran idea bagi menjamin perkembangan yang pesat dalam bidang geospasial.



LAWATAN AKADEMIK DARIPADA PELAJAR DIPLOMA SAINS GEOMATIK (SUMBER ALAM) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM), ARAU PERLIS

Tarikh : 17 SEPTEMBER 2015,
Tempat : BILIK MESYUARAT MUTIARA,
ARAS 13, NRE

Satu rombongan seramai lapan puluh orang mahasiswa/siswi penuntut tahun ketiga jurusan Diploma Sains Geomatik (Sumber Alam) Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau, Perlis telah mengadakan lawatan teknikal ke MaCGDI pada 17 September 2015. Rombongan ini diiringi oleh empat (4) orang pensyarah. Lawatan ini merupakan sebahagian daripada atur cara program tahunan UiTM Arau dalam memberikan pendedahan awal kepada para mahasiswa/siswi berkenaan prospek kerjaya dan peranan institusi-institusi berkaitan dalam bidang pengurusan maklumat geospasial negara.

En. Jamaludin bin Md Zin, Timbalan Pengarah MaCGDI Cawangan Pembangunan Geodata telah menyambut dan mempengerusikan lawatan teknikal ini. Rombongan telah diberi penerangan berkaitan peranan MaCGDI sebagai agensi kerajaan yang berfungsi sebagai peneraju SDI di Malaysia serta program MyGDI yang dibangunkan sebagai platform bagi perkongsian dan penyebaran maklumat geospasial di kalangan agensi pembekal data. Taklimat ringkas berkaitan produk dan perkhidmatan di MaCGDI turut diadakan. Selain itu, demo berkaitan produk MaCGDI seperti portal MaCGDI, MyGOS, 1Malaysia Map dan MyGeoname telah disampaikan oleh pegawai MaCGDI.

Sesi lawatan teknikal ini telah berlangsung dengan jayanya. Melalui taklimat dan pembentangan yang telah memberikan, diharap dapat memberi pendedahan kepada para mahasiswa/siswi berkenaan program MyGDI dan aplikasi-aplikasi GIS yang telah dibangunkan di

dalam menyokong aktiviti perkongsian dan penggunaan maklumat geospasial di kalangan agensi kerajaan secara cekap dan efisien.



LAWATAN TEKNIKAL DARIPADA UNIT GIS, ALAM FLORA SDN. BHD.

Tarikh : 29 SEPTEMBER 2015
Tempat : BILIK MESYUARAT PERMATA,
ARAS 7, NRE

Lawatan teknikal Unit GIS, Alam Flora Sdn. Bhd. ke MaCGDI telah disertai oleh tujuh (7) orang dan diketuai oleh En. Yuzairi bin Mohd Yusoff, Pengurus Geomatik, Alam Flora Sdn. Bhd. Objektif lawatan ini untuk mengetahui dengan lebih dekat penggunaan WebGIS dan aplikasi yang telah dibangunkan oleh MaCGDI. Lawatan ini telah dipengerusikan oleh Sr Hj. Ahmad Akhir bin Tompong, Timbalan Pengarah, Cawangan Polisi dan Pembangunan Standard.

Taklimat berkaitan MaCGDI dan pembangunan program MyGDI telah disampaikan kepada pihak delegasi. Beberapa pembentangan aplikasi turut dibentangkan kepada Alam Flora Sdn. Bhd. berkaitan projek-projek usaha sama yang telah dijalankan bersama agensi lain seperti Projek *Veterinary Online Map (VENOM)*, Projek *Integrated River Basin Management (IRBM)* dan lain-lain.

Sebagai salah satu syarikat konsortium terbesar di Malaysia yang bertanggungjawab dalam pengumpulan sisa pepejal dan memastikan kebersihan terjamin, pihak Alam Flora Sdn. Bhd. juga turut berkongsi perkembangan teknologi geospasial agensi mereka.

Pihak Alam Flora Sdn. Bhd. sentiasa mencari penyelesaian terbaik bagi menjamin peningkatan mutu kerja selaras dengan penggunaan teknologi geospasial yang telah digunakan dengan meluas di agensi mereka. Sesi perbincangan dan pertukaran idea turut diadakan. Antara perkara yang dibincangkan adalah berkaitan data-data yang boleh digunakan dan kemaskinian data yang ada di MaCGDI.

Lawatan seperti ini diharap dapat memberi ruang kepada komuniti geospasial dalam meningkatkan kerjasama dan pertukaran idea bagi menjamin perkembangan pesat dalam bidang geospasial.



Aktiviti MyGDI

LAWATAN AKADEMIK DARIPADA PELAJAR KURSUS SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI, FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

Tarikh : 4 NOVEMBER 2015
 Tempat : BILIK MESYUARAT PERMATA,
 ARAS 7, NRE

MaCGDI buat julung kalinya telah menerima kunjungan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2015. Lawatan akademik dari pelajar Kursus Sistem Maklumat Geografi, Jabatan Kejuruteraan dan Struktur, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, UKM ini diketuai oleh pensyarah, Sr Dr. Khairul Nizam bin Abdul Maulud, Ketua Pusat Pencerapan Bumi (EOC), UKM. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mendapatkan maklumat terperinci berkaitan pembangunan GIS yang telah dilaksanakan oleh MaCGDI.

Pihak delegasi telah diberi penerangan berkaitan peranan MaCGDI sebagai agensi kerajaan yang berfungsi sebagai peneraju *Spatial Data Infrastructure (SDI)* di Malaysia serta program-program *Malaysia Geospatial Data Infrastructure (MyGDI)*. Taklimat dan demo berkaitan produk-produk serta perkhidmatan yang terdapat di MaCGDI turut disampaikan oleh pegawai MaCGDI seperti portal MaCGDI (*MyGeoportal*), *Malaysia Geospatial Online Services (MyGOS)*, *1Malaysia Map* dan *MyGeoname*.

Perbincangan berkaitan perkhidmatan geospasial dari MaCGDI adalah antara perkara yang paling menarik minat delegasi kerana ia akan dijadikan panduan di dalam aktiviti akademik mereka kelak.

Sesi lawatan dengan acara pertukaran cenderahati di antara pihak MaCGDI dan UKM sebagai tanda ingatan dan terima kasih. Kedua-dua pihak berharap agar hubungan kerjasama akan sentiasa berterusan dari semasa ke semasa. Pihak pensyarah dan pelajar UKM gembira dan berpuas

hati terhadap layanan serta maklumat yang telah diperoleh daripada lawatan kali ini.



PAMERAN SEMPENA PERSIDANGAN KEBANGSAAN GEOGRAFI & ALAM SEKITAR KALI KE-5

Tarikh : 6 - 7 OKTOBER 2015
Tempat : KAMPUS SULTAN ABDUL JALIL SHAH, UPSI, PERAK

Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke-5 telah berlangsung selama dua (2) hari iaitu pada 6 hingga 7 Oktober 2015. Persidangan dwitahunan ini dianjurkan oleh Jabatan Geografi & Alam Sekitar dengan kerjasama Persatuan Geografi (PERGEO), Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bertempat di Dewan Persidangan E-Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI. Persidangan pada kali ini bertemakan "Geografi & Alam Sekitar Pemangkin Transformasi Negara". Prof. Dato' Dr. Junaidy bin Abu Bakar, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), UPSI dengan sukacita telah menyempurnakan acara perasmian persidangan.

Persidangan ini merupakan satu landasan penjana ilmu tentang isu-isu pembangunan terkini berkaitan dengan alam sekitar dan kualiti hidup masyarakat. Di samping itu, persidangan ini menjadi platform untuk pertukaran ilmu pengetahuan dalam bidang geografi di kalangan mahasiswa serta pensyarah universiti awam dan swasta.

Sebanyak 91 kertas kerja telah dibentangkan oleh para pensyarah, pegawai penyelidik dan mahasiswa universiti tempatan. Universiti-universiti tempatan dan beberapa agensi kerajaan juga telah turut serta dalam ruang pameran di persidangan ini. Antara yang mengambil bahagian ialah Jabatan Perangkaan, Negeri Perak, Universiti Sains Malaysia dan sebagainya.

Pihak MaCGDI juga telah turut serta dalam pameran persidangan ini. Pameran di booth MaCGDI dimeriahkan dengan pembentangan

aplikasi produk dan perkhidmatan serta permainan GIS. Permainan Mix, Match & Map – world telah banyak menarik minat peserta dalam mengasah minda mereka mengenai peta dunia. Antara pembentangan aplikasi yang mendapat perhatian mahasiswa pula ialah MyGDI Explorer, 1Malaysia Map dan MyGeoname. Pameran dan persidangan ini telah memberi ruang kepada peserta yang hadir untuk bertukar pengalaman, berkongsi idea dan pendapat serta berbincang hal-hal berkaitan geografi, alam sekitar dan geospasial.



PAMERAN SEMPENA MINGGU PEMBUDAYAAN INOVASI & KREATIVITI (MPIK) DAN HARI ICT

Tarikh : 8 OKTOBER 2015

Tempat : INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA (ILSM), SUNGKAI, PERAK

Jabatan Perangkaan Malaysia telah menganjurkan Pembudayaan Inovasi & Kreativiti (MPIK) dan Hari ICT, Jabatan Perangkaan Malaysia pada 5 – 8 Oktober 2015 selama empat (4) hari bertempat di Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM), Sungkai, Perak. Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Hasan, Ketua Perangkawan Malaysia. MaCGDI turut dijemput untuk mengambil bahagian sebagai Pempamer Jemputan pada hari terakhir program tersebut. Bertemakan 'Inovasi Teras Transformasi Statistik', ia bertujuan untuk menggalakkan warga perangkaan agar lebih kreatif, inovatif dan berdaya saing dalam menghasilkan sesuatu perkara di samping dapat meningkatkan kualiti dan kebolehcapaian maklumat yang lebih efisien.


Sepanjang pameran tersebut, pegawai MaCGDI yang bertugas telah mengadakan demo aplikasi bagi program MyGDI dan aplikasi-aplikasi yang terdapat di MaCGDI. Satu aplikasi bagi menyimpan Pangkalan Data Nama Geografi (PDNG) yang dikenali sebagai MyGeoname turut dipersembahkan kepada orang ramai yang hadir. MyGeoname dibangunkan bertujuan untuk menyediakan maklumat autoritatif berkaitan lokasi dan ejaan nama-nama geografi serta menyimpan nama-nama geografi, lokasi, sejarah dan notifikasi gazetir yang sah untuk kegunaan awam. Di dalam pameran kali ini, MaCGDI telah memberikan fokus kepada data PDNG negeri Perak iaitu daripada jumlah keseluruhan sebanyak 65334 nama geografi yang telah direkodkan bagi seluruh Malaysia, sebanyak 5736 nama geografi negeri Perak telah direkodkan di dalam PDNG.

Di samping itu juga, permainan GIS seperti *crossword puzzle* dan permainan *Mix, Match & Map* turut disediakan di *booth* MaCGDI bagi menarik minat dan menggalakkan orang ramai berkunjung dan mengambil bahagian di dalam aktiviti berkaitan teknologi geospasial. Adalah diharapkan agar pameran sebegini dapat membantu mempromosikan program MyGDI dengan lebih meluas kepada pelbagai lapisan masyarakat amnya dan kepada agensi-agensi lain dan orang awam yang hadir khususnya.



LAPORAN PAMERAN SEMPENA FORUM DAN WADAH PERKHIDMATAN DIGITAL KERAJAAN 2015

Tarikh : 9 OKTOBER 2015
 Tempat : DEWAN SERI WILAYAH,
 KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN,
 PRESINT 2, PUTRAJAYA



Forum dan Wadah Perkhidmatan Digital Kerajaan 2015 bertemakan "*Internet Of Things For Smart Service Delivery*" yang julung kali dianjurkan oleh MAMPU telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara, bersama-sama YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertempat di Dewan Serbaguna, Menara Seri Wilayah, Kementerian Wilayah Persekutuan, Presint 2, Putrajaya.

Forum ini turut dihadiri oleh Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan Persekutuan, Ketua-ketua Pegawai Maklumat atau *Chief Information Officer (CIO)* dari agensi-agensi Kerajaan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), pihak industri, Pegawai-pegawai Kanan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, Pengurus ICT Sektor Awam dan Agensi Kerajaan Negeri. Bersempena ini, pihak penganjur turut meraikan barisan penerima Anugerah Kecemerlangan ICT Agensi, Anugerah Penghargaan Pelaksana DDMS dan pemenang-pemenang Hackathon; Bertemakan 'Terbuka, Inovatif, Mencipta'. Program Hackathon

bertujuan menyediakan ruang perkongsian ilmu ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan digital, mempromosikan produk dan inisiatif digital perkhidmatan awam serta menggalakkan penglibatan komuniti dalam membangunkan produk inovasi menggunakan Data Terbuka Sektor Awam. Bersempena forum ini, pihak MaCGDI turut mengambil bahagian sebagai peserta pameran. Peluang ini dianggap sebagai salah mekanisma untuk mempromosikan inisiatif-inisiatif MaCGDI dalam melaksanakan Program MyGDI. Pelbagai aplikasi telah dipamerkan seperti aplikasi yang dibangunkan oleh MaCGDI dan kerjasama agensi lain. Pengunjung juga dapat mengetahui informasi-informasi terkini berkaitan geospasial. Diharap pada masa yang akan datang, forum sebegini akan menjadi satu wadah perbincangan, percambahan fikiran dan medan perkongsian ilmu di antara peserta dan pengunjung yang hadir.

Di samping itu juga, pihak MaCGDI berharap agar galakkan perkongsian data akan dapat dipromosikan merentasi agensi sejajar dengan usaha kerajaan untuk memperkasakan sistem penyampai-an perkhidmatan yang selari dengan agenda Transformasi Digital Sektor Awam.



PAMERAN SEMPENA JOINT INTERNATIONAL GEOINFORMATION CONFERENCE 2015 & NATIONAL UNDERGROUND UTILITY MAPPING CONFERENCE (NUUM) 2015

Tarikh : 28 - 30 OKTOBER 2015
Tempat : HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR

MaCGDI telah mengambil bahagian sebagai pempamer sempena *Joint International Geoinformation Conference (JIGC) 2015 & National Underground Utility Mapping Conference (NUUM) 2015*. Pameran ini berlangsung selama dua (2) hari (28 - 30 Oktober 2015) bertempat di Hotel Istana, Kuala Lumpur dan dianjurkan oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan *Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM)* dengan kerjasama Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Persatuan Jurukur Tanah (PEJUTA). JIGC 2015 ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Mohamad Ali bin Mohamad, Timbalan Setiausaha (Sumber Asli), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Keunikan program ini ialah ia merupakan gabungan lima (5) *conference* pada satu-satu masa yang terdiri daripada :

- i. *10th 3D Geoinfo Conference*;
- ii. *1st Conference on Geomatic and Geospatial Science & Technology*;
- iii. *2nd Workshop on Geoinformation Advances*;
- iv. *2nd ISPRS WG II/2 Workshop*; dan
- v. *National Underground Utility Mapping Conference (NUUM)*.

Sebanyak 108 kertas teknikal telah dibentangkan oleh peserta daripada pelbagai bidang berkaitan geoinformation dan sebanyak 39 pempamer telah mengambil bahagian. Di booth MaCGDI, pegawai-pegawai bertugas telah mengadakan taklimat berkaitan aplikasi-aplikasi yang telah dibangunkan oleh MaCGDI. Antara aplikasi yang mendapat perhatian peserta ialah 1Malaysia Map,



MyGeoname dan MyGOS. Besempena penyertaan booth pada kali ini, MaCGDI juga turut membentangkan aplikasi baru iaitu MyGeotranslator. MyGeotranslator adalah satu Inisiatif daripada pihak MaCGDI bagi membantu dan memudahkan agensi pembekal data mengguna pakai standard data geospasial yang telah dibangunkan oleh MaCGDI melalui Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTSM) bersama dengan Jabatan Standard Malaysia (DSM) dan *Standard and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM)* bagi memudahkan perkongsian data menerusi MyGDI. Peserta yang terdiri daripada pelbagai bidang turut berpeluang untuk mengetahui dengan lebih terperinci berkaitan aplikasi-aplikasi yang dibangunkan oleh MaCGDI selain dapat mencuba dan ditunjuk cara oleh pegawai yang bertugas. Penyertaan pameran sebegini telah memberi peluang pertukaran pendapat dan melebarkan komunikasi dua hala antara komuniti geospasial yang hadir bersama pihak MaCGDI khususnya.



PAMERAN SEMPENA
4TH NATIONAL GEOMATICS / GEOINFORMATICS STUDENT
INNOVATION COMPETITION (NGGSIC) 2015

Tarikh : 2 DISEMBER 2015
Tempat : DEWAN SERI BUDIMAN,
UiTM SHAH ALAM



MaCGDI telah dijemput sebagai peserta pameran sempena *4th National Geomatics / Geoinformatics Student Innovation Competition (NGGSIC) 2015*. Program dwi tahunan ini telah dianjurkan oleh Pertubuhan Juru Ukur DiRaja Malaysia (RISM, GLS Division), dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta beberapa politeknik di Malaysia.

Program ini adalah bertujuan untuk menggalakkan dan memupuk inovasi di kalangan pelajar geomatik dan geoinformatik untuk lebih kreatif dan berdaya saing. Antara pertandingan yang telah diadakan adalah *System* – kategori diploma, *Creative Map* – kategori diploma, *Creative Map & System* – kategori degree, pertandingan *Best Thesis, Master Paper* dan *PhD Paper*. Hasil kerja mahasiswa dan mahasiswi ini telah dipamerkan mengikut kategori yang dipertandingkan. Para juri menilai hasil kerja melalui poster yang dipaparkan, pembentangan dan sesi soal jawab dua hala bersama peserta.

Bersempena program ini, enam (6) agensi telah menyertai pameran iaitu Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), HERE Malaysia, ESRI Malaysia dan THS Geoscience Sdn. Bhd. Pelbagai aktiviti telah diadakan di booth MaCGDI seperti penerangan berkaitan MaCGDI dan program MyGDI, serta sesi taklimat berkaitan data dan prosedur permohonan data. Taklimat dan demo aplikasi-aplikasi yang dibangunkan oleh MaCGDI turut diberikan kepada para pelajar seperti aplikasi MyGDI Explorer, 1Malaysia Map dan MyGeoname. Penyertaan pameran ini telah memberi peluang kepada para pelajar untuk bertukar-tukar pendapat, berkongsi idea dan pengalaman di kalangan komuniti geospasial yang hadir.

Pada sebelah petang telah diadakan sesi perasmian penutup program NGGSIC 2015 yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Noor bin Isa, *Chairman GLS Division of RISM*. Sesi penyampaian hadiah kepada pemenang telah disampaikan mengikut kategori yang dipertandingkan.

LAWATAN AKADEMIK MAHASISWA KURSUS MGHG 1124 PANGKALAN DATA GEOSPATIAL TAHUN 1 SARJANA SAINS (GEOINFORMATIK), UTM JOHOR BAHRU

Tarikh : 15 DISEMBER 2015
Tempat : BILIK MESYUARAT PERMATA,
ARAS 7, NRE

Seramai lapan (8) orang mahasiswa yang terdiri daripada empat (4) orang pelajar tempatan dan empat (4) orang pelajar dari negara Nigeria peringkat sarjana Kursus MGHG 1124, Pangkalan Data Geospasial Tahun 1 Sarjana Sains (Geoinformatik), Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor Bahru, yang diiringi oleh seorang pensyarah kanan, Dr. Mohd Faisal bin Abdul Khanan, dan seorang pembantu makmal telah mengadakan lawatan akademik ke MaCGDI bertempat di Bilik Mesyuarat Permata, Aras 7, Wisma Sumber Asli, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).

Objektif lawatan adalah bagi mendapatkan maklumat berkaitan program MyGDI yang dikendalikan MaCGDI serta memberikan pendedahan kepada mahasiswa tentang prosedur permohonan data geospasial bagi tujuan kajian mereka. Ketibaan delegasi telah disambut para pegawai MaCGDI yang diketuai oleh Puan Hj. Norizam binti Che Noh, Pengarah MaCGDI.

Aturcara lawatan telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah MaCGDI. Seterusnya, taklimat pengenalan *Malaysia Geospasial Data Infrastructure* (MyGDI), polisi & garis panduan perkongsian data dan panduan permohonan data geospasial. Seterusnya, perbentangan aplikasi-aplikasi seperti MyGDI Explorer, MyGOS dan MyGeoname yang disampaikan oleh para pegawai MaCGDI.

Di dalam Sesi Soal Jawab yang diadakan, antara perkara yang dibincangkan ialah inisiatif MaCGDI dalam pembangunan MyGDI di Malaysia yang dikatakan oleh mahasiswa antarabangsa lebih ke depan berbanding negara asal mereka.

Lawatan diakhiri dengan sesi bertukar cenderahati antara UTM dan MaCGDI serta sesi bergambar sebagai tanda kenang-kenangan.



LAWATAN TEKNIKAL DARIPADA PERBADANAN PUTRAJAYA (PPj)

Tarikh : 17 DISEMBER 2015
Tempat : BILIK MESYUARAT PERMATA,
ARAS 7, NRE



Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI) telah menerima kunjungan daripada pegawai-pegawai Perbadanan Putrajaya (PPj). Seramai enam (6) pegawai yang diketuai oleh Encik Kamaruzaman bin Abdol Rahim, Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), PPj. Ketibaan delegasi disambut mesra oleh pegawai-pegawai MaCGDI yang diketuai oleh Pengarah MaCGDI, Puan Hajah Norizam binti Che Noh.

Kunjungan lawatan bertujuan untuk berkongsi maklumat mengenai pembangunan GIS di Malaysia yang diterajui oleh MaCGDI melalui program Malaysia Geospasial Data Infrastructure (MyGDI). Selain daripada itu, pihak PPj berminat untuk mendapatkan khidmat nasihat teknikal mengenai perkongsian maklumat geospasial dalam sektor Kerajaan.

Objektif lawatan adalah untuk mengetahui dengan lebih lanjut maklumat berkaitan program *Malaysia Geospasial Data Infrastructure* (MyGDI), mendapatkan khidmat nasihat teknikal mengenai perkongsian maklumat geospasial dan membincangkan aktiviti *GIS Day @ Putrajaya*.

Ucapan aluan pembuka kata telah disampaikan oleh Pengarah MaCGDI diikuti dengan taklimat oleh para pegawai MaCGDI mengenai pengenalan program MyGDI, pembentangan aplikasi seperti aplikasi MyGDI Explorer, aplikasi 1Malaysia Map, aplikasi MyGOS serta taklimat perkongsian data melalui MyGDI.

Dalam sesi perbincangan, MaCGDI telah mengemukakan mengenai inisiatif dalam pembangunan program MyGDI di Malaysia dan inisiatif PPj dalam membangunkan Putrajaya dengan menggunakan teknologi geospasial. Pihak PPj telah menyuarakan hasrat untuk mendapatkan khidmat nasihat teknikal berkaitan pembangunan maklumat geospasial dari MaCGDI dan berminat untuk mengambil bahagian dalam aplikasi MyGOS.


Sebagai menyokong aktiviti geospasial di kalangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), PPj sangat komited dalam mempromosi aktiviti geospasial kepada komuniti di bawahnya. Salah satu aktiviti yang dirancang adalah dengan mengadakan program *GIS Day @ Putrajaya* bersama-sama dengan pihak MaCGDI. Kerjasama antara MaCGDI dengan PPj dalam menjayakan aktiviti geospasial ini dapat mengeratkan lagi serta membangunkan Wilayah Persekutuan Putrajaya.



SIMPOSIUM MAKLUMAT
GEOSPATIAL KEBANGSAAN

NGIS ^{KE} 7 2016

MERAKYATKAN GEOSPATIAL KE ARAH KESEJAHTERAAN



8 - 9 OGOS 2016
**PUTRAJAYA INTERNATIONAL
CONVENTION CENTRE (PICCC)**

COORDINAT
PICCC :
2° 53' 40.21"
101° 40' 38.30"



Penganjur Bersama:



PENGENALAN

Simposium Maklumat Geospasial Kebangsaan atau dikenali sebagai 'National Geospatial Information Symposium' (NGIS) adalah merupakan aktiviti dwi tahunan anjuran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Penganjuran pada kali ini adalah merupakan penganjuran NGIS-7 yang diadakan sebagai forum perkongsian maklumat dan pengalaman melibatkan komuniti geospasial di kalangan agensi kerajaan dan swasta di Malaysia. Simposium ini merupakan salah satu usaha NRE ke arah memartabatkan penggunaan maklumat dan teknologi geospasial dalam perancangan pembangunan negara.

OBJEKTIF

- * Menyediakan platform untuk membincangkan isu-isu berkaitan maklumat geospasial terkini.
- * Merealisasikan misi kerajaan ke arah kecemerlangan pengurusan maklumat geospasial dalam pelbagai sektor.
- * Merakyatkan geospasial ke arah membentuk masyarakat sejahtera melalui perkongsian dan penyampaian perkhidmatan.

SPONSORSHIP

PACKAGE BENEFITS	Platinum RM 35K	Gold RM 20K	Silver RM 10K	Regular RM 5K (Private) RM 2K (Government)
Exhibition Booth (3m x 3m)	2 booths	2 booths	1 booths	1 booths
Opportunity for Speaking Slot (Plenary)	/	-	-	-
Advertisement space in Conference Programme Book	2 Pages	1 page	½ page	-
Company logo placement at Conference Signage	/	/	/	-
Company logo placement at Conference Backdrop	/	/	/	-
Banner Placement @ Foyer/Exhibition Area/Luncheon Hall	/	/	-	-
Video Loop during Luncheon (5 minutes)	/	/	-	-
VIP Conference seat and delegate tag	3	2	1	-
Exhibitor tag	4	4	2	2

ATURCARA

HARI PERTAMA (8 OGOS 2016, ISNIN)

Pendaftaran & Majlis Perasmian

Sesi I : Pembudayaan Geospasial dalam Pengurusan

Sesi II : Geospasial Penyelesaian Tepat dan Efektif

HARI KEDUA (9 OGOS 2016, SELASA)

Sesi III : Memperkasakan Geospasial ke Arah Penyebaran Maklumat

Sesi IV : Pengkomersialan Maklumat Geospasial Sesi Perbincangan Panel

Majlis Penutup


SIAPA PERLU HADIR

- * Pengurusan Tertinggi
- * Juruukur
- * Jurugeospasial
- * Jurutera
- * Pegawai Teknologi Maklumat
- * Pegawai Perancangan Bandar
- * Pegawai Perubatan
- * Pegawai Remote Sensing
- * Pentadbir Tanah
- * Pegawai Hidrografi
- * Pegawai Sains dan Penyelidik
- * Pegawai Arkeologi
- * Pegawai Geologi
- * Pegawai Perancang Keselamatan dan Pertahanan
- * Ahli Akademik
- * Pelajar-pelajar IPT/IPTS
- * Pegawai Swasta
- * Lain-lain Profesion

Sila rujuk portal NGIS 7 untuk maklumat terkini mengenai simposium di :

<http://ngis.mygeoportal.gov.my>

Geospatial Initiatives



Metadata Catalogue
(MyGDI Explorer)




Collaborate and Share
your Maps (MyGOS)



Share Your POI
(1Malaysia Map)



MyGDI Data Sharing



Search Geographic
Name (MyGeoname)



Search for Features
Codes and Attributes
(MS 1759)



Search Codes &
Name for Land
Administrative (UPI)



MyGeotranslator



MyGDI Data Services



Download Data Module



Related Services
for Agency



Hits Applications

SURAT PEKELILING PELAKSANAAN INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA (MyGDI)

BILANGAN 1 TAHUN 2005



GARIS PANDUAN PENENTUAN HARGA DAN PENYEBARAN DATA GEOSPATIAL

BILANGAN 1 TAHUN 2006



PINDAAN KEPADA STRUKTUR PENGURUSAN MyGDI (LAMPIRAN A) PANDUAN BAGI PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA / MALAYSIAN GEOSPATIAL DATA INFRASTRUCTURE (MyGDI)

BILANGAN 1 TAHUN 2008



GARIS PANDUAN CUSTODIANSHIP BAGI DATA GEOSPATIAL

BILANGAN 1 TAHUN 2009



PANDUAN BAGI PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN PUSAT DATA GEOSPATIAL / GEOSPATIAL DATA CENTRE (GDC)

BILANGAN 1 TAHUN 2012



GARIS PANDUAN PERKONGSIAN DAN PENYEBARAN MAKLUMAT GEOSPATIAL MELALUI INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA (MyGDI)

BILANGAN 1 TAHUN 2014



PANDUAN PEMAKAIAN STANDARD MAKLUMAT GEOSPATIAL

Buletin Geospasial Sektor Awam

Format Dan Garis Panduan Sumbangan Artikel

Buletin Geospasial Sektor Awam oleh Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI). Sidang Pengarang amat mengalu-alukan sumbangan sama ada berbentuk artikel atau laporan bergambar mengenai perkembangan Sistem Maklumat Geografi di Agensi Kerajaan, Badan Berkanun dan Institusi Pengajian Tinggi.

Garis Panduan Untuk Penulis

1. Manuskrip boleh ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
2. Setiap artikel seboleh-bolehnya mempunyai abstrak perlu ditulis dengan huruf condong (*italic*).
3. Format manuskrip adalah seperti berikut:

Jenis huruf (<i>font</i>)	:	Arial
Saiz huruf bagi tajuk	:	12
Saiz huruf	:	10
Langkau (<i>spacing</i>)	:	<i>Single</i>
<i>Margin</i>	:	Atas, bawah, kiri dan kanan - 2.5cm
Justifikasi teks	:	Kiri
Lajur (<i>column</i>)	:	Satu lajur setiap mukasurat
4. Sumbangan hendaklah dikemukakan dalam bentuk *softcopy* dalam format Microsoft Word.
5. Semua imej grafik hendaklah dibekalkan dalam format .tif atau .jpg dengan resolusi tidak kurang daripada 150 d.p.i.
6. Segala pertanyaan dan sumbangan hendaklah dikemukakan kepada:

Urus Setia
Buletin Geospasial Sektor Awam (BGSA)
Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI)
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar,
Aras 7 & 8, Wisma Sumber Asli,
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 Putrajaya

 Tel : 03-88861156
 Faks : 03-88894851
 Emel : or.macgdi@1govuc.gov.my





**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
(NRE)**



**Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI)
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)
Aras 7 & 8, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 PUTRAJAYA
Tel : +603-88861156 Faks : +603-88894851**



www.facebook.com/mygeoportal

www.mygeoportal.gov.my